

Media Title : Sinar Harian
Headline : Warga emas, penjawat awam rugi hampir RM200,000 angkara panggilan telefon scam
Date : 14 June 2023
Section : Nasional
Page : 23



Warga emas, penjawat awam rugi hampir RM200,000 angkara panggilan telefon *scam*

KUANTAN - Dua lelaki kerugian RM195,200 selepas masing-masing ditipu sindiket panggilan telefon *scam* yang menyamar sebagai pegawai polis, mahkamah dan ejen kurier.

Ketua Polis Pahang, Datuk Yahaya Othman berkata, laporan berhubung dua kes itu diterima Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Pahang daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Temerloh dan Kuantan.



YAHAYA

Menurutnya, mangsa pertama, 67, menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai polis, pada 5 Jun lalu.

"Suspek menyatakan mangsa membuat penghantaran bungkusan melalui pos laju yang mengandungi kad ATM (mesin juruwang automatik) dan kad pengenalan.

"Suspek kemudian memberitahu hasil semakan mendapati mangsa mempunyai rekod penyalahgunaan dadah dan pengubahan wang haram," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, akibat ketakutan dengan tuduhan itu, mangsa memindahkan wang RM100,000 termasuk menggunakan wang simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) miliknya ke dalam dua akaun bank yang diberikan suspek sebagai penyelesaian kes.

Dalam kejadian lain di Kuantan pula, Yahaya berkata, seorang penjawat awam berusia 32 tahun menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai sebuah syarikat kurier pada 1 Januari lalu.

Katanya, suspek memaklumkan nama mangsa digunakan dalam penghantaran bahan terlarang.

"Bermula 14 April lalu, mangsa telah membuat empat kali transaksi berjumlah RM95,200 ke dalam empat akaun bank berbeza," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan boleh dikenakan sebat dan denda jika sabit kesalahan.

Orang ramai yang menerima panggilan meragukan diminta membuat semakan dengan pihak polis bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan.